

***Al-Hazf* Dalam Rasm Uthmani: Kesan dalam Pentafsiran**

Mohammad Ikram bin Mohd Nor¹ & Mohd Faizulamri bin Mohd Saad¹

Email: ¹mohammadikram29@gmail.com, ²faizam@ukm.edu.my

¹Calon Sarjana di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

²Pensyarah kanan di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

Abstrak

Kepelbagaian bentuk penulisan dalam *rasm 'Uthmani* yang terdiri dari *al-Hazf*, *al-Ziyadah*, *al-Hamzah*, *al-Ibdal*, *Maqtu'* dan *Mausul*, dan *Ma fihī Qira'atan* merupakan suatu indikator kepada kemukjizatan al-Quran. Ia sudah tentu mampu membantu proses tadabbur dalam menyingkap banyak rahsia dan makna kalam Allah. Fokus artikel ini adalah untuk menyingkap rahsia di sebalik *al-Hazf*. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan rekabentuk kajian kes menggunakan pendekatan deskriptif dan *muqaran*. Hasil kajian mendapati sampel yang didatangkan memiliki makna yang istimewa dan maksud yang lebih meluas bahkan ia menjadi pembuktian bahawa *rasm 'Uthmani* itu bersifat *tawqifi* dan bukannya ijtihad para sahabat semata-mata. Implikasi dari kajian ini dapat memberi nafas baru dalam bidang *rasm 'Uthmani* untuk menggali dengan lebih mendalam kepelbagaian dan keunikan kalimah-kalimah yang terdapat dalam al-Quran.

Kata kunci: Rasm 'Uthmani, *al-Hazf*, kesan pentafsiran, mukjizat al-Quran, *tawqifi*.

Abstract

The diverse forms of writing in *rasm 'Uthmani* that consist of *al-hazf*, *al-Ziyadah*, *al-Hamzah*, *al-Ibdal*, *Maqtu'* and *Mausul*, and *Ma fihī Qira'atan* is regarded as an indicator of the inimitability of the Quran. It is indeed able to serve the process of discovering many secrets and the meaning of Allah's Word. The focus of this article is to reveal the secret behind *al-hazf*. This study is a qualitative study with a case study design using a descriptive approach and *muqaran*. The result of the study shows that the used sample connotes not only the special meaning but also the broader meaning. In addition it proves that the *rasm Uthmani* is *tawqifi* rather than the *ijtihad* of the companions solely. The implication of this study is to provide a new perspective in the field of *rasm 'Uthmani*; to further explore the diversity and uniqueness of the words found in the Quran.

Keywords: Rasm 'Uthmani, *al-Hazf*, impact of interpretation, the inimitability of the Quran, *tawqifi*.

1. Pengenalan

Antara tuntutan utama pada al-Quran adalah mentadabburi dan memahami makna al-Quran untuk diambil pengajaran dan pedoman. Bahkan, mengabaikan amalan tadabbur boleh menghilangkan tujuan dan matlamat utama dari al-Quran dalam mendapatkan kebaikan yang tersirat mahupun tersurat (Nurul Zakirah Mat Sin, Zulkifli Mohd Yusoff, 2012). Oleh itu tidak dinafikan dalam usaha mentadabbur al-Quran, perlunya keseimbangan di antara membaca dan memahaminya dengan mendalam terutamanya dalam aspek kemukjizatan dan rahsia-rahsia al-Quran yang terkandung di sebalik ayat. Oleh demikian, seseorang yang mendalam hal tersebut akan meningkatkan lagi keimanannya, memperoleh sifat yang khusyuk dan menguatkan lagi kedudukan al-Quran yang agung serta tidak mampu dirungkai oleh akal manusia tanpa tadabbur.

Jika diperhatikan di dalam al-Quran terdapat banyak kalimah yang mempunyai *rasm* yang berbeza dengan cara dituturkan, sebahagiannya dibuang atau dikurangkan sesuatu huruf pada kalimah-kalimah tertentu dan sebahagiannya ditambah. Demikian juga yang ditulis dengan menukarkan sesuatu huruf itu kepada huruf yang lain dan terdapat juga kalimah yang ditulis dengan kaedah menyambung dan memisahkan tulisan pada huruf-huruf atau kalimah-kalimah yang tertentu termasuklah kalimah yang ditulis dengan cara bersambung pada sesuatu tempat tetapi ditulis dengan cara berpisah pada tempat yang lain (Shaharuddin Pangilun, 2015).

Selain itu, perbezaan tersebut berlaku kerana mengambil kira bentuk Qiraat. Namun, sebahagiannya

tidak begitu kerana keunikan *rasm 'Uthmani* sudah tentulah mempunyai nilai dan tujuan yang tersirat. Oleh demikian, dalam kajian ini pengkaji akan menghuraikan perbezaan kalimah yang terdapat dalam *rasm 'Uthmani* khususnya pada bab *al-Hazf*.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan teknik metod penentuan subjek, pengumpulan data dan analisis data. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan mushaf al-Quran, kitab-kitab tafsir *muktabar*, kitab-kitab yang berkaitan dengan *rasm* al-Quran dan 'Ulum al-Quran serta bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan kajian. Kesemua data tersebut dikaji secara perbandingan menggunakan metod tafsir mawdu'i bagi menganalisis makna kalimah yang dijadikan sampel. Selain itu, metod *Tafsir bi al-Ra'yi al-Maqbul* juga digunakan bagi menguatkan hujah yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Penggunaan metod ini bertujuan untuk memperolehi maklumat yang tulen dari sumber-sumber yang premier bagi menjelaskan objektif kajian yang telah dinyatakan dalam melihat pentafsiran para *mufassir* menerangkan kemukjizatan yang terdapat di dalam al-Quran.

3. Dapatan Kajian

Kajian utama dalam artikel ini adalah fokus kepada kaedah *al-Hazf* yang merupakan salah satu bukti keunikan dan rahsia *rasm 'Uthmani* yang bersifat *tawqifi* dari Rasul SAW. Terdapat tiga sampel yang dijadikan kajian iaitu kalimah (الميعاد، يمح، المهتد). Kalimah-kalimah ini dipilih kerana adanya pentafsiran yang jelas dari para *mufassir* berbanding kalimah lain, selain bertujuan untuk menyingkap kerahsian *al-Hazf* dari sudut makna dalam menzahirkan lagi tadabbur al-Quran.

Kalimah 'الميعاد'

Kalimah 'الميعاد' merupakan kalimah yang terlibat dengan *al-Hazf*. Ia adalah kata nama yang membawa maksud janji. Jika dilihat dari sudut *ishtiqaq* kalimah ia membawa maksud 'janji' dan kata asalnya dari pecahan kalimah 'وعد' manakala *jama'*nya adalah 'مواعيد'. Kalimah ini didatangkan di dalam al-Quran sebanyak enam kali dan hanya satu tempat di *hazafkan* alif *madnya* manakala baki yang lain dikekalkan alif *mad* tersebut (Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi, 1364H). Sebagaimana yang disebut oleh al-Khazzar (t.th) bahawa *al-Hazf* memang berlaku pada perkataan 'الميعاد' dalam surah al-Anfal:

والحذف في الأنفال في الميعاد

Kalimah الميعاد yang dikekalkan alif disebut pada surah Ali Imran ayat 9 dan 194, al-Ra'd ayat 31, Saba' ayat 30 dan al-Zumar ayat 20. Manakala satu tempat yang di *hazafkan* alif 'الميعاد' iaitu di dalam surah al-Anfal ayat 42. Persoalan yang timbul, apakah hikmah yang tersirat disebalik *al-Hazf* kalimah alif tersebut, sedangkan ia dikekalkan pada tempat yang lain sebagaimana bentuk penulisan *imla'?*

Jika diperhatikan pada lima ayat yang dikekalkan alif ia menunjukkan janji Allah s.w.t yang melambangkan sesuatu kepastian. Ini kerana janji Allah s.w.t itu tidak pernah tersasar sesuai dengan bentuk penulisan yang ditulis dengan alif tertegak simbolik kepada huruf alif yang tegak sifatnya. Namun pada kalimah yang terlibat dengan *al-hazf*, kalimah 'الميعاد' tidak merujuk kepada janji yang bersifat pasti sebaliknya merujuk kepada perasaan orang-orang mukmin yang terlibat dengan peperangan Badar dalam keadaan ragu-ragu terhadap berapakah jumlah tentera Quraish yang terlibat dalam peperangan tersebut.

Oleh kerana bentuk keraguan tersebut sesuai dengan penulisan kalimah yang tidak melibatkan penasaban alif tidak seperti huruf alif yang tertegak sifatnya, maka huruf alif pada kalimah tersebut tidak dizahirkan. Ini kerana keraguan atau sesuatu sifat yang ragu-ragu mana mungkin tertegak sebagaimana zahirnya tertegak kalimah alif. Ini mungkin menjadi rahsia kenapa kalimah 'الميعاد' semasa memperihalkan tentera Badar yang berteka-teki bilakah berlaku peperangan?, berapakah jumlah bilangan tentera musuh yang bakal datang?, ditulis tanpa huruf alif. Ternyata dalam ayat tersebut ia bukan sesuatu yang datang dari janji Allah, sedangkan dalam 5 ayat yang lain ia merujuk kepada janji Allah yang pastinya akan tertegak sesuai dengan kepastian janji yang datang dari Allah s.w.t. Maka diwujudkan kalimah alif yang bersifat tegak.

Kenyataan ini juga berdasarkan kepada pentafsiran para *mufassir* antaranya Imam al-Tabari yang mengaitkan perkataan 'الميعاد' kepada keraguan atau ragu-ragu yang timbul pada kaum muslimin berkaitan

jumlah tentera Quraish yang akan terlibat dalam peperangan, sebaliknya tidak merujuk kalimah tersebut kepada Allah s.w.t. (al-Qurtubi 1964; Ibn Kathir 1419H). Ia sebagaimana yang dinukilkan oleh Abdul Mun'im Kamil Sha'ir (t.th) di dalam kitabnya bahawa perbezaan kalimah tersebut pada bentuk makna janji itu sendiri, iaitu janji-janji manusia dan janji-janji Allah s.w.t.

Di sini jelaslah bahawasanya kepelbagaian bentuk penulisan tersebut bukanlah sesuatu yang tidak disengajakan, sebaliknya memiliki makna tersirat sebagaimana yang dijelaskan di atas untuk menunjukkan janji Allah s.w.t itu pasti. Maka sebagai mukmin perlulah yakin kerana setiap yang Allah s.w.t nyatakan pasti berlaku. Sebaliknya perancangan manusia bagaimana hebat dan rapi ia diatur, masih lagi tertakluk kepada perubahan. Dengan demikian, sebagai seorang muslim yang beriman dengan ayat-ayat Allah s.w.t haruslah menjauhi sifat ragu-ragu ini kerana ianya tidak mendatangkan apa-apa faedah mahupun kebenaran sebagaimana firman Allah s.w.t dalam Surah Yunus ayat 36 yang bermaksud:

Dan kebanyakan mereka, tidak menurut melainkan sesuatu sangkaan sahaja, (padahal) sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran (ikhtiqad). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang mereka lakukan.

Kalimah 'يَمْحُوا'

Kalimah 'يَمْحُوا' adalah *fi'il mudari'* kepada *محا - يمحو - محو* yang membawa maksud memadamkan atau menghapuskan (Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin, Mohd Fuad Mohd Isa, 2008). Kalimah ini didatangkan di dalam al-Quran pada dua tempat sahaja (Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi 1364H) dan salah satunya *dihazaqkan waw* 'يَمْحُو' yang terletak pada surah al-Shura ayat 24. Manakala satu lagi kalimah dikekalkan *waw* tersebut 'يَمْحُوا' di dalam surah al-Ra'd ayat 39. Penggunaan kalimah pada dua ayat di bawah tiada perbezaan dari sudut maksud dengan membawa makna 'menghapuskan'. Tetapi permasalahan yang dapat dilihat di sini adalah pada sudut penulisan kalimah tersebut.

Menurut Ibn al-Banna al-Marrakushi (1990) di dalam kitab '*Unwan al-Dalil min Marsum al-Khat al-Tanzil*' dan Abdul Mun'im Kamil Sha'ir (t.th) *dihazaqkan waw* pada kalimah 'يَمْحُو الله الباطل' adalah sebagai petunjuk kepada cepatnya Allah s.w.t menghapuskan sesuatu kebatilan dalam menegakkan hak sebagaimana cepatnya kebatilan tersebut tersebar dalam kalangan makhluk berdasarkan firman Allah s.w.t di dalam surah al-Isra' ayat 81 'إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا'.

Berkata al-Zarkashi (1957) dan al-Suyuti (1974) *dihazaqkan waw* juga berlaku pada tiga kalimah *fi'il* yang lain iaitu 'يُدْعِ الدَّاعِ', 'سُدْعِ الزَّبَانِيَةِ', dan 'يُدْعِ الْإِنْسَانَ'. Kesemua kalimah yang *dihazaqkan waw* ini menunjukkan kepada suatu peringatan akan cepat dan mudahnya berlaku perbuatan. Tambahannya lagi, *dihazaqkan waw* pada kalimah 'يَمْحُو' berkait rapat dengan aspek bahasa kerana sebelumnya ada *fi'il* yang *majzum* pada kalimah 'يَخْتَمُ' walaupun secara zahirnya ia bukan *dima'tuf* kepadanya. Ia juga *tashbih* kepada *fi'il al-'Amr* sebagai isyarat bahawa berlakunya pemadaman tersebut merupakan sesuatu yang mesti seperti berbentuk arahan, berbeza dengan kalimah 'يَمْحُوا' yang mana pengisbatan huruf *waw* pada kalimah tersebut adalah yang asal.

Dalam mentafsirkan ayat ini, berkata Ibn Kathir (1999) dan al-Zuhaili (1418H), para *mufasssir* berbeza pandangan apakah yang dimaksudkan dengan 'يَمْحُوا الله ما يشاء ويثبت'. Sebahagian mereka memberi maksud Allah s.w.t memadamkan semua perkara melainkan empat perkara iaitu kecelakaan, kegembiraan, kehidupan dan kematian sebagaimana perkataan Ibn 'Abbas dan hadith Nabi s.a.w yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud yang bermaksud:

'... Sesungguhnya setiap kalian dikumpulkan penciptaannya di perut ibunya sebagai setitis mani selama empat puluh hari, kemudian berubah menjadi segumpal darah selama empat puluh hari, kemudian menjadi segumpal daging selama empat puluh hari. Kemudian diutus kepadanya seorang malaikat lalu ditiupkan padanya ruh dan dia diperintahkan untuk menetapkan empat perkara : menetapkan rezkinya, ajalnya, amalnya dan kecelakaan atau kebahagiaannya ...'

(Muslim t.th, *Kitab al-Qadr*. Jil.4:2036. No. Hadith: 2643).

Imam Mujahid berkata, ayat ini merujuk kepada sesuatu pemadaman yang berlaku pada malam *Lailatu al-Qadar* yang mana ianya berlaku dalam tempoh masa setahun sama ada berbetuk rezeki atau musibah. Kemudian Allah s.w.t mendahulukan atau mengkemudiankan sesuatu perkara mengikut kehendaknya melainkan empat perkara sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn 'Abbas di atas. Ini selari

dengan firman Allah s.w.t di dalam Surah al-Dukhan ayat 3 dan 4 yang menerangkan tentang takdir makhluk yang telah ditetapkan berupa kecelakaan, kegembiraan, kehidupan dan kematian (al-Tabari, 2000; Ibn Kathir, 1419H). Firman Allah s.w.t dalam Surah al-Dukhan ayat 3 dan 4, maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab). (Kami menurunkan Al-Quran pada malam yang tersebut, kerana) pada malam yang berkat itu, dijelaskan (kepada malaikat) tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmat serta tetap berlaku, (tidak berubah atau bertukar).

Mesej al-Quran pada ayat ini amat jelas, walaupun kalimah ‘يمح’ dan ‘يمحوا’ membawa makna yang sama, akan tetapi dalam aspek makna tersirat, peng*hazafan* *waw* pada kalimah tersebut dapat difahami bahawa sesuatu bentuk kebatilan terutamanya dalam bab agama tidak akan kekal lama kerana Allah s.w.t akan menghapuskannya dengan kadar segera. Hal ini bagi mengelakkan sesuatu perkara itu menjadi lebih parah. Ianya berbeza dengan kalimah yang dikekalkan *waw* yang mana kalimah tersebut merupakan kalimah asal, dan ada kemungkinan pengekal *waw* pada kalimah tersebut menunjukkan kepada sesuatu perkara yang belum pasti pengakhirannya, maka dikekalkan huruf *waw* tersebut. Jelas di sini, setiap perubahan struktur perkataan pastinya ada perubahan makna sebagaimana kalimah yang dibincangkan di atas.

Kalimah (المهتد)

Kalimah ‘المهتد’ adalah *ism fa’il* yang berasal dari kalimah ‘اهتدى’ memberi maksud ‘orang yang mendapat hidayah. Terdapat tiga tempat sahaja yang menyebut kalimah ini di dalam tiga surah yang berbeza dan bentuk penulisannya berlainan sebagaimana kalimah-kalimah sebelum ini. Dua dari tiga kalimah tersebut didatangkan di dalam al-Quran tanpa huruf *ya*’ di akhirnya dan satu kalimah dengan dengan huruf *ya*’. Ditulis kalimah ‘المهتد’ tanpa huruf *ya*’ pada surah al-Isra’ ayat 97 dan surah al-Kahf ayat 17. Manakala baki satu kalimah ditulis dengan huruf *ya*’ ‘المهتدى’.

Persoalan di sini, mengapa kalimah di dalam surah al-A’raf didatangkan dengan penambahan huruf pada akhir kalimah tersebut?. Jika dilihat pada sudut maksud penggunaan kalimah tiada perbezaan yang berlaku pada ketiga-tiga ayat tersebut. Akan tetapi jika disoroti pada ayat-ayat sebelumnya ia boleh dijadikan sebagai salah satu bukti untuk menunjukkan ada makna tersirat di sebalik penambahan huruf tersebut.

Berdasarkan pemerhatian, berlakunya penambahan huruf disebabkan *waqaf* dan *ibtida’* ayat. Jika dilihat pada ketiga-tiga ayat di atas, adanya *waqaf hasan* selepas kalimah ‘المهتد’ tersebut, akan tetapi jika diteliti pada sudut intisari ayat di dalam surah al-A’raf, bacaan secara *wasal* lebih baik daripada *waqaf*. Ini kerana kesempurnaan ayat yang dimaksudkan terletak pada kalimah dan ayat selepasnya yang menerangkan tentang kerugian orang-orang yang sesat. Hal demikian untuk menjadikan ayat tersebut selari dan lengkap dalam satu bacaan sahaja. Maka, kalimah tersebut didatangkan dengan penambahan huruf *ya*’ pada kalimah tersebut.

Berbeza dengan dua lagi kalimah yang *dihazafkan* huruf *ya*’. Di dalam surah al-Isra’ ayat tersebut didatangkan selepas firman Allah s.w.t kepada nabiNya yang mendapat petunjuk ‘قل كفى بالله شهيدا بيني وبينكم’. Maka, *waqaf* pada kalimah المهتد dan *dihazafkan ya*’ amat berketepatan dengan maksud dan konteks ayat sebelumnya bagi mengasingkan pujian yang Allah s.w.t berikan kepada nabiNya daripada bersama dengan golongan yang dicela pada baki ayat tersebut sebagaimana gambaran di bawah:

قُلْ كَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ إِنَّهُ كَانَ بِعِبَادِهِ خَبِيرًا بَصِيرًا * وَمَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّلْ.....

Begitu juga dengan ayat di dalam surah al-Kahfi yang menceritakan perihal pemuda-pemuda di dalam gua yang diberikan ilham, petunjuk, penjagaan dan hidayah dari Allah s.w.t (Ibn Kathir 1419H) untuk mengasingkan mereka daripada bersama golongan yang disesatkan oleh Allah s.w.t.

Selain itu, jika diperhatikan pada ayat 175-177 di dalam surah al-A’raf para mufassir mendatangkan kisah Bal’am bin Ba’ura’ seorang ulamak atau ahli ibadah di zaman Nabi Musa *alaihissalam* yang berasal dari golongan Bani Israil dan tinggal bersama kaum Jababirah. Antara kelebihan yang ada padanya Allah s.w.t telah memberikan kelebihan untuknya melihat kesemua ciptaan Allah dan isi buminya. Dengan

kelebihan tersebut Bal'am boleh melihat jin dan malaikat, bahkan dapat melihat 'Arsy atau tempat di mana Allah s.w.t mengawasi setiap mahlukNya. Beliau juga mengetahui nama-nama Allah s.w.t yang Maha Sempurna, setiap doa yang dipinta oleh Bal'am pasti akan dikabulkan oleh Allah s.w.t. Akan tetapi kelebihan yang Allah berikan padanya tidak digunakan dengan sebaiknya bahkan dia terpesong dari hidayah dan petunjuk Allah s.w.t (al-Tabari, 2000).

Hal ini menunjukkan hidayah yang Allah s.w.t berikan kepada beliau bukanlah hidayah yang sempurna bentuknya. Maka demikian, didatangkan kalimah *al-Muhtad* dengan penambahan huruf *ya* selepas ayat tersebut untuk membezakan golongan yang benar-benar oleh Allah s.w.t. berikan hidayah sebagai simbolik penambahan hidayah yang Allah s.w.t berikan. Dari aspek penggunaan lafaz '*hidayah*' di dalam al-Quran pula, ia menunjukkan kalimah tersebut lebih banyak disebut di dalam surah al-A'raf iaitu sebanyak 17 kali berbanding surah al-Isra' lapan kali dan al-Kahfi enam kali (Fadil bin Salih t.th). Boleh jadi banyaknya pengulangan di dalam surah al-A'raf tersebut menjadi *asbab* kepada penambahan huruf *ya* pada kalimah tersebut.

Oleh kerana hidayah Allah s.w.t itu tersembunyi kepada kita dan diberikan kepada sesiapa yang dia kehendaki maka penggunaannya disini amat jelas bahwasanya Allah s.w.t mengasingkan golongan yang diberikan hidayah dan dijauhkan dari hidayahNya. Ini menunjukkan bahawasanya hidayah itu milik Allah s.w.t dan tiada siapa yang mampu memberikan hidayah hatta Nabi s.a.w. Maka demikian, jika hidayah itu bersifat nyata maka semua orang boleh mendapatnya, sebagaimana *Khutbah al-Hajah* Nabi s.a.w :

من يهده الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له...

Maksudnya: Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka tiadalah kesesatan baginya dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah maka tiadalah petunjuk baginya.

4. Kesimpulan

Kajian pada *al-Hazf* ini mendapati perbezaan kalimah yang berlaku bukanlah sesuatu yang bersifat *istilahi* yang ditulis mengikut andaian manusia, bahkan ia bersifat *tawqifi* sesuatu yang diperintahkan oleh Allah s.w.t melalui Rasul s.a.w. Sekiranya ia hanyalah *ijtihad* para sahabat semata-mata sudah tentu huruf-huruf al-Quran itu bukanlah suatu mukjizat. Seandainya ini berlaku, sudah tentu al-Quran terdedah kepada perubahan dan penyelewengan. Maka kewajipan kita sebagai muslim untuk terus mencungkil rahsia-rahsia yang terdapat di dalam al-Quran bagi menguatkan lagi pegangan kita kepada agama.

Rujukan

Al-Quran al-Kareem

Abdul Mun'im Kamil Sha'ir, t.th. *al-Ijaz al-Qur'ani fi Rasm al-Uthmani*. t.tp: Maktabah al-Muhtadin.

Al-Khazzar. Muhammad bin Muhammad al-Amawi al-Sharishi. t.th. *Matn Mawrid al-Zama'an fi Rasm al-Quran*. t.tp. t.pt.

Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr al-Ansari. 1964M/1384H. *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Al-Qaherah: Dar al-Kutb al-Misriyyah.

Al-Suyuti, Abi Bakr ibn Muhammad Jalal al-Din. 1974M/1394H. *al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Mesir: al-Hai'ah al-Misriyyah al-'Aamah li al-Kitab.

Al-Tabari, Mohammad bin Jarir bin Yazid. 1420H/2000M. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. T.tp: Muassasah al-Risalah.

Al-Zarkashi 1376H/1957M. *Al-Burhan fi Ulum al-Quran*. Mesir: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah 'Isa al-Babi al-Halabi

Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. 1418H. *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. Dimashq: Dar al-Fikr al-Ma'asir.

Fadil bin Salih bin Khalil, t.th. *Asrar al-Bayan fi al-Ta'bir al-Qur'ani*. t.tp: t.pt.

Ibn al-Banna' al-Marrakushi, Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin Uthman al-Azdi. 1990. *Unwan al-*

- Dalil Min Marsum al-Khat al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail bin Kathir al-Qurashi. 1419H. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Beirut: Dar al-Kutb al-Ilmiyah.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail bin Kathir al-Qurashi. 1420H/1999M. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Riyad: Dar al-Tayyibatu al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin, Mohd Fuad Mohd Isa. 2008M. *Al-Miftah, Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris*. Al-Azhar Media Enterprise.
- Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi. 1364H. *Al-Mu'jam al-Mufahris li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Mesir: Matba'ah Dar al-Kutb al-Misriyyah.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. T.th. *Sahih Muslim*. Tahqiq Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi'. Beirut: Dar Ihya' al-Kutb al-Arabi.
- Nurul Zakirah Mat Sin dan Zulkifli Mohd Yusoff. 2012. *Konsep Tadabbur: Satu Kupasan*. International Seminar on al-Quran in Contemporary Society (SQ2012), Permai Hotel, Kuala Terengganu, Terengganu.
- Shaharuddin Pangilun. 2015. *Khilaf Ulama' Dalam Beramal Al-Quran Rasm Uthmani: Suatu Sorotan*. International Conference on Aqidah, Dakwah And Syariah 2015 (IRSYAD2015).